

**Abdul Rahman Bayang Tanding Kerusi MT Umno  
Bernama  
11 Ogos, 2013**

KOTA KINABALU, 11 Ogos (Bernama) -- Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Abdul Rahman Dahlan membayangkan kemungkinan bertanding jawatan Majlis Tertinggi (MT) Umno pada pemilihan parti berkenaan Oktober ini.

Setiausaha Barisan Nasional (BN) Sabah itu berkata beliau akan membuat pengumuman berhubung perkara itu "dalam sedikit masa lagi melalui Twitter atau Facebook".

"Menawarkan diri untuk jawatan MT Umno adalah satu tanggungjawab yang amat besar, ia perlu difikirkan dan ia (keputusan) tidak boleh dibuat dengan hanya memikirkan tentang diri sendiri," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Aidilfitri di kediamannya di Taman Kingfisher, Sulaman, dekat sini, hari ini.

Abdul Rahman, yang juga Anggota Parlimen Kota Belud, berkata sekiranya bertanding, beliau mahu memberikan sumbangan kepada parti dan bukan sekadar memanaskan kerusi terutama dalam senario politik yang berbeza pada ketika ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=969286>